

Headline	Ops Murni bantu mangsa banjir		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	38
ArticleSize	75 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,620		



Ops Murni bantu mangsa banjir

Kuala Lumpur: Satu Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bekalan Air Bersih (Ops Murni) dilancarkan di perkarangan Markas Skuadron Selangor, 60 RAJD (AW), Sungai Besi, semalam.

Menurut kenyataan media yang dikeluarkan, misi itu adalah kerjasama Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD (Askar Wataniah-AW) dan Rejimen Pakar Pe-

ngendalian Bekalan Elektrik Ke-70 RAJD (AW) bersama Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS), Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (Puncak Niaga) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Misi bantuan ini disempurnakan Brigadier Jeneral (Kehormat) 60 Rejimen Pakar Pengendalian Air RAJD (AW) yang juga Pengerusi Eksekutif SYABAS dan Puncak Nia-

ga Tan Sri Rozali Ismail.

“Seramai 116 anggota dikerahkan membantu mangsa banjir di kawasan terbabit manakala anggota tambahan negeri lain digerakkan jika banjir bertambah buruk.

“Misi ini menyahut seruan Kementerian Pertahanan yang mengarahkan agensinya membantu mangsa banjir,” katanya.